

20/04/2001

Daihatsu, Perodua dijangka buka syarikat usaha sama baru

Abdul Halim Yusoff

PERODUA dan Daihatsu Motors Co Ltd (Daihatsu) dijangka mengadakan beberapa langkah korporat yang akhirnya memperlihatkan firma Jepun itu menerajui operasi syarikat pengeluar kereta nasional kedua secara tidak langsung.

Sumber industri memberitahu, Daihatsu dan Perodua dijangka menubuhkan sebuah syarikat usaha sama baru (Newco) yang 51 peratus ekuitinya dikuasai pengeluar kereta kecil terkemuka Jepun terbabit.

Newco itu kemudiannya akan mengambil alih 51 peratus ekuiti dalam dua anak syarikat milik penuh Perodua yang sedia ada iaitu Perodua Manufacturing Sdn Bhd (PMSB) dan Perodua Engine Manufacturing Sdn Bhd (PEMSB).

Dengan cara itu, Daihatsu akan menerajui operasi pemasangan kereta dan pembuatan enjin di Perodua, yang secara tidak langsung membolehkannya mendapat kawalan terhadap syarikat itu dengan lebih baik berbanding ketika ini.

Perodua akan memegang baki 49 peratus kepentingan dalam Newco terbabit, sekali gus membolehkan tidak berlaku sebarang perubahan struktur pemilikan ekuiti dalam syarikat pegangan pelaburan itu sendiri.

Ketika ini, Daihatsu memiliki 20 peratus ekuiti Perodua, UMW Corporation Sdn Bhd (38 peratus), Med-Bumikar Mara Sdn Bhd (20 peratus) PNB Equity Resources Corporation Sdn Bhd Sdn Bhd (lima peratus) dan Mitsui & Co Ltd (tujuh peratus).

Selain itu, Daihatsu yang juga anggota kumpulan Toyota mempunyai pegangan tidak langsung lima peratus dalam Perodua menerusi anak syarikatnya di negara ini Daihatsu (Malaysia) Sdn Bhd.

Sumber itu berkata, ketika ini cadangan langkah korporat antara Perodua dan Daihatsu itu termasuk pasukan pengurusan yang akan menerajui Newco terbabit masih pada peringkat menunggu kelulusan daripada pihak kerajaan.

Difahamkan, Perodua dan Daihatsu sudah bersetuju dengan struktur langkah korporat berkenaan dan dijangka memeterai perjanjian persefahaman (MoU) mengenainya selepas mendapat persetujuan kerajaan, bulan depan.

Isnin lalu, akhbar ini melaporkan pihak pengurusan Perodua mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dipercayai bagi membincangkan perkara itu.

Sehingga ini, Perodua tidak memberi sebarang ulasan mengenainya tetapi pemerhati yakin ia pada dasarnya sudah dipersetujui dan jika ada sebarang perubahan, ia mungkin kecil.

Dalam pada itu, sumber yang rapat dengan Perodua memberitahu, perubahan tampuk menerajui Perodua itu berlaku bukan atas desakan Daihatsu sebaliknya hasil inisiatif syarikat kereta nasional kedua itu sendiri.

"Berbeza dengan tanggapan umum, Perodua sendiri sebenarnya meminta Daihatsu berfungsi lebih penting di syarikat itu bagi memastikan kesinambungannya menjelang pembukaan pasaran dalam Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta).

"Perodua bersikap realistik meminta Daihatsu mengambil ekuiti lebih besar kerana ia dapat membantunya terus hidup dan bersaing dalam Afta yang duti import import kereta tidak akan lebih lima peratus selepas 2005," katanya.

Langkah itu dijangka memperlihatkan Daihatsu menjadikan kemudahan milik Perodua di Rawang tapak pembangunan model baru dan pengeluaran kereta penumpangnya untuk pasaran Asean.

"Peranan lebih besar Daihatsu adalah rahmat terselindung kepada Perodua

yang kini tidak mempunyai rancangan pengeluaran model baru selepas 2002  
sedangkan masa untuknya membangunkan model bagi pasaran Asean semakin  
suntuk.

"Pembukaan pasaran automotif menerusi Afta meletakkan syarikat automotif  
kecil seperti Perodua dalam keadaan sukar tanpa Daihatsu yang memang jaguh  
dalam pengeluaran kereta kecil," kata penganalisis.

(END)